

## **TERMA DAN SYARAT HONG LEONG MYPAL (“T&S”)**

Terma dan Syarat Hong Leong MyPAL (“**MyPAL**”) hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit, Terma dan Syarat Kad Debit, dan mana-mana terma dan syarat berkenaan sepetimana dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender, serta juga undang-undang dan peraturan lain yang mengikat HLB.

### **KELAYAKAN**

1. MyPAL terbuka kepada semua pemegang akaun HLB yang baru dan sedia ada, dan yang memenuhi syarat berikut (**“Pemegang Akaun”**):
  - a) Pelanggan warga negara Malaysia dan mempunyai Kad Pengenalan Malaysia yang sah (“**KP**”);
  - b) Individu dan perniagaan milikan tunggal sahaja;
  - c) Berumur antara 18 hingga 55 tahun;
  - d) Mesti mempunyai Akaun Semasa Asas, atau Akaun Semasa yang sah tanpa kemudahan overdraf dengan kedudukan dan/atau status akaun yang baik (“Akaun”);
  - e) Mesti mempunyai Kad Debit sah yang dipautkan kepada Akaun;
  - f) Mesti mempunyai baki deposit sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dalam Akaun;
  - g) Mesti menunjukkan dokumen-dokumen berikut:
    - Slip gaji terkini; atau
    - Surat pekerjaan semasa; atau
    - Penyata KWSP terkini; atau
    - Resit atau penyata Deposit Tetap Hong Leong dengan deposit minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000).
2. MyPAL TIDAK dibuka kepada Pemegang Akaun yang sebelum ini telah berjaya memohon MyPAL dengan Akaun Money Box menerusi Mach oleh Hong Leong Bank (“**Mach**”).
3. Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pemegang Akaun hanya berhak memohon satu (1) MyPAL sama ada daripada Akaun atau Akaun Money Box

### **CIRI PRODUK**

4. MyPAL merupakan suatu kemudahan berjumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) yang disediakan kepada Pemegang Akaun yang diluluskan dan ia berkuatkuasa apabila berjaya dipautkan kepada Akaun milik Pemegang Akaun tersebut.
5. Pemegang Akaun boleh mengakses MyPAL berbilang kali dalam satu (1) hari sehingga had Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) (“**Had**”) melalui transaksi berikut (**“transaksi debit”**):
  - Pengeluaran tunai ATM
  - Pembelian dengan Kad Debit (pembelian di tempat jualan (“POS”) dan pembelian dalam talian)
  - Pengeluaran/terbitan cek
  - Debit terus daripada Akaun dan/atau Kad Debit
  - Arahan tetap daripada Akaun dan/atau Kad Debit
  - Mana-mana transaksi debit lain yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa
6. Apabila transaksi debit dilakukan dan Akaun tidak mempunyai dana yang mencukupi, maka Pemegang Akaun bersetuju bahawa sebahagian atau keseluruhan Had itu akan digunakan untuk menyempurnakan transaksi debit tersebut.
7. Jika sekiranya Akaun tidak mempunyai dana yang mencukupi dan amaun transaksi debit itu melebihi Had maka transaksi debit itu akan ditolak.



8. Pemegang Akaun akan dikenakan fi dan caj standard atau apa-apa liabiliti bagi transaksi debit yang ditolak itu.
9. Akaun akan disekat secara automatik pada penghujung hari apabila MyPAL habis digunakan (“**tarikh transaksi debit**”).
10. Pemegang Akaun akan disekat daripada melakukan apa-apa transaksi debit kecuali penjelasan cek sehingga pembayaran penuh MyPAL telah dibuat termasuk apa-apa fi dan caj berkenaan.
11. Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) mengandungi butir-butir berikut akan dihantar kepada nombor telefon bimbit Pemegang Akaun yang terakhir diketahui satu (1) hari selepas tarikh transaksi debit:
  - Had digunakan di bawah MyPAL termasuk fi dan caj berkenaan (“**amaun belum jelas**”);
  - tarikh transaksi debit; dan
  - tarikh matang bagi pembayaran balik MyPAL.
12. Pemegang Akaun bersetuju membayar balik amaun belum jelas dalam masa tiga (3) hari dari tarikh transaksi debit.
13. Pembayaran balik amaun belum jelas akan dipaparkan dalam Akaun pada hari sama pembayaran balik dibuat dan sekatan Akaun akan dibuka semula hari berikutnya.
14. Pemegang Akaun boleh membuat bayaran bagi amaun belum jelas melalui kaedah berikut:
  - Di kaunter melalui cawangan
  - Pindahan akaun sendiri menerusi Hong Leong Connect
  - IBG (Giro Antara Bank) menerusi Hong Leong Connect
  - Deposit cek menerusi cek deposit machine
  - Deposit tunai menerusi tunai deposit machine
15. Bagi mengelakkan keraguan, jika sekiranya pembayaran balik dibuat pada hari yang sama MyPAL digunakan, maka Akaun TIDAK disekat
16. Ciri-ciri MyPAL bagi Akaun ini adalah TIDAK serupa dengan ciri-ciri MyPAL yang ditawarkan di bawah akaun Money Box melalui Mach.

#### **PERMOHONAN**

17. Pemegang Akaun boleh memohon MyPAL melalui cawangan asal dengan menunjukkan dokumen-dokumen berikut:
  - 17.1 KP; dan
  - 17.2 Resit atau penyata Deposit Tetap Hong Leong dengan deposit minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000); atau
  - 17.3 Bukti pekerjaan:
    - Slip gaji terkini; atau
    - Surat pekerjaan semasa; atau
    - Penyata KWSP yang terkini; atau
  - 17.4 Baki deposit minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dalam Akaun.
  - 17.5 Kad Debit sah yang dipautkan kepada Akaun

#### **PENAMATAN**

18. Pemegang Akaun boleh menamatkan MyPAL melalui cawangan asal mereka pada bila-bila masa dengan syarat Akaun mempunyai baki kredit dan bebas daripada apa-apa syarat peruntukan pada Akaun.

**FI DAN CAJ**

19. MyPAL dikenakan fi dan caj seperti berikut:

Perihal	Fi dan Caj
Fi kemudahan	RM15 setiap penggunaan
Fi bayaran lewat	RM1 setiap 3 hari, sehingga maksimum RM9

20. "Fi kemudahan" bermaksud fi yang akan dikenakan setiap kali MyPAL digunakan. Bagi mengelakkan keraguan, jika sekiranya Pemegang Akaun menggunakan MyPAL dua kali dalam hari yang sama, Pemegang Akaun akan dikenakan dua (2) kali Fi Kemudahan dengan jumlah amaun Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30).
21. "Fi Bayaran Lewat" bermaksud fi yang dikenakan jika sekiranya Pemegang Akaun tidak membayar penuh amaun belum jelas itu dalam masa tiga (3) hari dari tarikh transaksi debit. Fi bagi bayaran lewat ialah Ringgit Malaysia Satu (RM1) bagi setiap tiga (3) hari, bermula dari hari keempat (ke-4) dan seterusnya dari tarikh transaksi debit sehingga hari kedua puluh sembilan (ke-29) berjumlah Ringgit Malaysia Sembilan (RM9).
22. Pemegang Akaun boleh menyemak transaksi debit MyPAL mereka melalui Penyata Akaun:

Tarikh	Perihal Transaksi	Deposit	Pengeluaran	Baki
	Baki daripada penyata terdahulu			50.00
04 Mar	Pengeluaran Tunai ATM		150.00	(100.00)
04 Mar	Pembelian POS		50.00	(150.00)
05 Mar	Fi Kemudahan MyPAL		15.00	(165.00)
05 Mar	Fi Kemudahan MyPAL		15.00	(180.00)

**HAK TOLAK-SELESAI**

23. HLB berhak menolak-selesai dan memindahkan apa-apa jumlah kredit yang ada dalam mana-mana Akaun tersebut untuk menyelesaikan apaapa liabiliti Pemegang Akaun kepada HLB di bawah mana-mana Akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada Akaun Semasa Asas, Akaun Semasa dan Akaun Pay&Save, perjanjian atau kontrak, sama ada liabiliti tersebut utama, cagaran, bersama atau berasingan atau dalam apa-apa mata wang yang lain dengan memberi notis awal tujuh (7) hari calendar.
24. Jika baki kredit dalam mana-mana Akaun tersebut atau apa-apa bayaran yang dibuat atau wang yang diterima itu bukan dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang lain yang saling dipersetujui, maka HLB berhak menukar mata wang berkenaan dan untuk tujuan ini, nilai setara Ringgit Malaysia akan ditentukan oleh HLB menurut budi bicaranya yang mutlak pada kadar pertukaran serta-merta HLB iaitu kadar semasa ketika itu.

**UMUM**

25. Apa-apa pemberitahuan daripada HLB kepada Pemegang Akaun boleh diberi dengan salah satu cara berikut:
- melalui SMS, pos biasa, pos berdaftar, kurier, serahan tangan atau ditinggalkan di alamat Pemegang Akaun yang terakhir diketahui dan didaftarkan dengan HLB dan akan dianggap telah diterima oleh Pemegang Akaun dalam masa tiga (3) hari perniagaan dari tarikh diposkan jika dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar dan dalam masa dua (2) hari perniagaan dari tarikh dihantar jika melalui kurier atau sebaik diakui terima melalui serahan tangan; atau
  - melalui notis umum dalam satu akhbar utama atau dipaparkan di premis cawangan HLB atau laman webnya di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Sesawang HLB").



26. HLB mempunyai hak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicaranya dengan menyiarannya dalam laman web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pemegang Akaun bersetuju untuk mengakses laman web dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan menentukan supaya sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S.
27. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti atau bahan lain berkaitan dengannya atau bersabit dengan MyPAL, maka T&S muktamad yang tersiar dalam laman web HLB akan diutamakan.
28. T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah di Malaysia secara ekslusif.